

21/06/2002

Keberanian resipi kejayaan BN: Dr M

KUALA LUMPUR, Khamis - Keberanian melaksanakan pelbagai projek dan dasar yang dianggap mustahil dan luar biasa adalah resipi kejayaan Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui Umno.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kebiasaan pada peringkat awal rakyat akan membantah projek yang dirancang.

Bagaimanapun, katanya, ketegasan kerajaan meneruskan projek berkenaan bukan saja diterima rakyat pada akhirnya, malah mencapai kejayaan besar sehingga menjadi kebanggaan penduduk.

"Di Malaysia kita buat banyak benda yang luar biasa tetapi akhirnya kita mendapat kejayaan. Tiap kali kita buat sesuatu terdapat tentangan.

"Anda boleh rujuk kepada apa saja yang kami buat, banyak. Kita nak buat kereta nasional, begitu banyak tentangan tapi hari ini tidak ada siapa lagi mempertikaikan.

"Kita nak buat Langkawi sebagai pulau bebas cukai, ini tak boleh, kita nak buat pelancongan sebagai satu cara mendapat pelaburan.... itu pun akhirnya berjaya," katanya pada sidang akhbar selepas hari pertama Persidangan Agung Umno di sini, hari ini.

Perdana Menteri juga merujuk kepada cara negara menangani krisis ekonomi pada 1998 dengan mengambil tindakan yang memeranjatkan semua pihak.

"Kami telah melakukan sesuatu yang menyaksikan seluruh dunia mengkritik kami. Ketika itu kami bukan saja terpaksa menghadapi rakyat negara sendiri, bahkan seluruh dunia. Tapi akhirnya mereka yakin bahawa apa yang kami lakukan adalah betul," katanya.

Pada sidang akhbar sama, Dr Mahathir ditanya sama ada kegagalan Melayu sekarang disebabkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) atau kelemahan bangsa itu sendiri.

"Ia sebenarnya memerlukan kedua-duanya. Kita perlukan polisi dan kita juga perlukan sambutan rakyat. Jika polisi baik tapi sambutan tidak menggalakkan, ia tidak akan menghasilkan keputusan baik.

"Saya tidak fikir ia (DEB) silap. Kita melihat sambutan begitu baik pada peringkat awal tapi kemudian timbul perasaan lalai, perasaan selamat pada setiap masa. Justeru, kami sedang eksperimen dengan menarik beberapa perlindungan (daripada Bumiputera) untuk mengetahui sama ada mereka dapat bersaing atau tidak," katanya.

Beliau berkata, ketika ini kerajaan sedang menimbang kemungkinan menarik lebih banyak perlindungan daripada orang Melayu sama seperti yang dilakukan ketika memberi kuota 10 peratus kepada kaum bukan Bumiputera bagi memasuki Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Menjawab soalan sama ada ahli Umno akan membantah keputusan kerajaan menarik begitu banyak hak istimewa Bumiputera, Perdana Menteri menegaskan:

"Dalam parti ada tiga juta orang. Kita tidak menjangka semua orang akan mempunyai pendapat yang sama atau reaksi yang sama. Yang penting ialah kita dapat menjelaskan apa dia tujuan yang kita laksanakan perkara ini.

"Keduanya, kita perlu menentukan bahawa mereka berkeupayaan untuk mencapai kejayaan dan daripada pengalaman dan keputusan yang kita dapat yakinkan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak takut menjadi tidak popular kerana mengkritik keras orang Melayu kerana apa yang diperkatakan adalah benar.

"Saya tidak fikir ia kejam. Saya cuba bersikap jujur. Saya cuma bercakap benar, apa yang telah diketahui. Saya tidak bercakap benda baru, saya

tidak kira apa orang fikir... saya bercakap apa yang saya mahu.

"Saya selalu bercakap saya tidak pernah mencari populariti tapi saya hanya bercakap benar. Apa pun saya masih di sini selama 21 tahun," katanya sambil menambah, ramai ahli Umno dan orang Melayu lain bersetuju dengan penilaiannya dan menerima pendapat beliau secara positif.

Sementara itu ditanya sama ada usahawan Syed Mokhtar al-Bukhari akan mengulangi kegagalan Tan Sri Halim Saad dan Tan Sri Tajudin Ramli sesudah diberikan terlalu banyak projek penswastaan kerajaan, Dr Mahathir berkata, Syed Mokhtar tidak diberikan pelbagai projek.

"Beliau membangunkan projeknya sendiri dan jika projek berkenaan bagus, kerajaan tidak akan menghalang usaha beliau itu, lagipun beliau menggunakan wangnya sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan memberikan projek kepada sebarang orang atau kepada mereka yang gagal melaksanakan sebarang projek.

Syed Mokhtar, Pengerusi Yayasan al Bukhari yang bermula sebagai peniaga beras, mula dikenali industri apabila mengambil alih Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor (PTP) dan kemudian mengambil alih Malaysia Mining Corporation Bhd (MMC).

(END)